

Pengurusan Dana Unit Amanah Islam MAAKL Mutual dan Public Mutual: Suatu Perbandingan

Suhailah Binti Jaafar
Jabatan Syariah dan Ekonomi
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
Email : suhailah@pahang.uitm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenalpasti pengurusan dana unit amanah Islam yang dijalankan di dua buah institusi, iaitu di MAAKL Mutual dan Public Mutual. Kajian ini merupakan kajian perbandingan bagi mengenalpasti beberapa aspek pengurusan dana yang digunakan dalam kedua-dua institusi ini. Antara aspek pengurusan tersebut adalah aspek pengurus dana, pemilihan saham dan pembahagian aset. Kajian ini memberi pemfokusan terhadap aspek pengurusan dana unit amanah Islam yang ditawarkan oleh kedua-dua institusi ini dan mengenalpasti operasi syariah yang terlibat dalam menguruskan dana-dana ini. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan tidak melibatkan kaedah ekonometrik. Kajian ini menggunakan analisis perbandingan terhadap aspek pengurusan dana yang dijalankan keatas kedua-dua institusi ini. Penulis menggunakan dua kaedah kajian iaitu kaedah pengumpulan data dan temubual yang dilakukan keatas kedua-dua institusi yang terlibat. Manakala maklumat kajian diperolehi melalui laman sesawang institusi yang terlibat serta di kaunter Bursa Malaysia, *Federation Of Investment Managers Malaysia (FIMM)*, *Malaysian Unit Trust Investment (MUTI)* dan lain-lain institusi yang terlibat. Temubual dijalankan keatas kedua-dua institusi yang terlibat bagi mendapatkan kesahan maklumat yang diperolehi penulis berkaitan pengurusan dana unit amanah yang dijalankan di institusi berkenaan. Kajian mendapati, kedua-dua institusi yang terlibat menguruskan dana dengan baik berdasarkan kaedah yang telah ditentukan dalam institusi tersebut serta menetapkan pengurus dana yang khusus mengendalikan dana tersebut. Serta kedua-dua institusi mengambil berat dalam aspek pembahagian aset dengan menetapkan sejumlah peratusan yang perlu dilaburkan dalam saham patuh syariah dan saham-saham lain bagi memastikan kestabilan dana. Pemilihan saham turut diteliti bagi memastikan saham yang terlibat patuh syariah mengikut penanda aras yang ditetapkan sebelum sesuatu dana dimasukkan.

Kata kunci : Pengurusan Dana Unit Amanah Islam, Pelaburan Unit Amanah

ABSTRACT

The objective of this study is to identify the Islamic unit trust fund management conducted in two institutions, namely in MAAKL Mutual and Public Mutual. This study is a comparative study of the effectiveness of management of the fund earned returns. This study focuses only on the management of Islamic unit trust funds. Among the aspects of management such as fund managers, stock selection and asset allocation. This study focusing on aspects of Islamic unit trust funds offered by both these institutions and the operations including managing Islamic funds. In this survey author choose qualitative method and not use econometric method. This is a The author uses two methods of gathering literature review and interviews. This study uses a comparative analysis about fund management conducted by these institutions. Survey information will be obtained through web sites and institutions involved in counter Bursa Malaysia, Federation of Investment Managers Malaysia (FIMM), Malaysian Unit Trust Investment (MUTI) and others. An interview will be conducted on both institutions which involved combining authentication information obtained by writers associated with the operation carried out in the institution. Therefore, wise management of funds can make investors more confidence to invest for the opportunity to get a good return and risks are also less bright.

Keywords : Islamic Unit Trust Fund Management, Unit Trust Investment

PENGENALAN

Pelaburan unit amanah merupakan suatu sistem tabungan yang semakin mendapat tempat dalam kalangan para pelabur. Oleh yang demikian, tidak hairanlah jika industri ini semakin melonjak naik dan keyakinan masyarakat terhadap perkembangan unit amanah ini juga semakin meningkat, hal ini memberi kesan yang baik agar industri ini terus berkembang dan yang lebih penting mampu menyumbang kepada peningkatan ekonomi masyarakat dan negara. Dewasa ini, terdapat banyak institusi yang menawarkan pelaburan unit amanah dan setiap institusi tersebut turut menyediakan pelaburan unit amanah yang berteraskan syariah. Namun demikian, kebanyakan institusi pelaburan ini menawarkan perkhidmatan pelaburan yang sama namun kaedah pengurusan dananya sedikit berbeza. Bagi mengkaji perbezaan pengurusan ini, penulis memilih dua buah institusi iaitu Public Mutual dan MAAKL Mutual bagi menjalankan kajian ini. Kajian ini memfokuskan berkenaan pengurusan dana unit amanah Islam dalam masa yang sama meneliti perjalanan syariah dalam dana-dana yang ditawarkan. Kajian ini merupakan kajian lanjutan daripada suatu kajian empirikal yang dijalankan oleh Leow Huey Chuen membuktikan bahawa peranan yang dimainkan oleh para pengurus dana dalam membentuk sesuatu portfolio adalah amat penting dan mereka seharusnya berhati-hati atau lebih peka kepada perubahan-perubahan yang mungkin berlaku keatas pasaran ekuiti serta pasaran-pasaran kewangan yang lain. Kajian ini membuktikan bahawa pengurusan dana sangat penting kerana mampu memberi pengaruh kepada hasil pelaburan yang diperolehi. Berdasarkan penemuan kajian ini, penulis melanjutkan lagi kajian bagi mengenalpasti aspek-aspek lain yang penting dalam pengurusan sesuatu dana unit amanah. Namun, kajian ini memberikan penumpuan kepada pengurusan dana saham amanah Islam dalam dua institusi terpilih iaitu di MAAKL Mutual dan Public Mutual. Kajian ini penting bagi memberikan pendedahan kepada masyarakat perbezaan pengurusan dana yang terdapat dalam kedua-dua institusi ini. Prestasi dana bergantung pada pengurus pelaburan yang menguruskan pelaburan dana tersebut. Aspek ini berkait rapat dengan tahap kompeten pengurus dana dan kebijaksanaannya dalam mengatur serta melaksanakan strategi pelaburan dana. Seseorang pengurus dana berdepan dengan beberapa aspek penting dalam menguruskan sesuatu dana antaranya aspek pembahagian aset dan pemilihan saham. Pengurus dana harus menentukan peratusan keseluruhan aset dana itu dilaburkan dalam ekuiti dan wajaran yang dilaburkan dalam instrumen pasaran wang. Pengagihan aset adalah faktor penting dalam menentukan prestasi dana kerana pembahagian aset yang baik membolehkan dana berkembang dengan baik selaras dengan perkembangan pasaran kewangan. Sebaliknya, pengagihan aset yang tidak baik dapat menyebabkan prestasi yang buruk pada dana itu. Berdasarkan ulasan yang dinyatakan diatas, penulis membuat kesimpulan pengurusan sesuatu dana bergantung kepada tiga aspek utama iaitu pengurus dana, pembahagian aset dan pemilihan saham.

PENGURUSAN UNIT AMANAH

Pengurus Dana

Mengendalikan segala urusan berkaitan dana unit amanah, termasuklah pendaftaran dana, pentadbiran dana, laporan suku dan separuh tahunan, laporan tahunan dan yang terpenting sekali menguruskan pelaburan dana. Penyerahan tugas menguruskan dana kepada mana-mana syarikat pengurusan dana adalah lebih selamat berbanding menyerahkannya kepada individu. Ini kerana jika pengurus dana meletakkan jawatan, sekurang-kurangnya masih ada pihak lain dalam syarikat tersebut yang boleh mengambil alih tugas pengurusan. Ini menjamin kesinambungan dan memastikan pengurusan yang professional dan telus. Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, pengurus pelaburan dana tidak semestinya entiti yang sama dengan syarikat pengurusan amanah saham. Walaupun ada syarikat pengurusan yang menjalankan sendiri aktiviti pengurusan pelaburan dana, ada juga syarikat pengurusan amanah saham yang mempertanggungjawabkan pengurusan pelaburan dana kepada syarikat lain.

Suatu badan telah ditugaskan bagi memastikan dana yang dilaburkan sentiasa patuh Syariah iaitu Penasihat Syariah. Penasihat Syariah bertanggungjawab mengkaji persoalan Syariah dalam dana dan memastikan dana dilaburkan dalam saham yang selari dengan kehendak syara'.

Pembahagian Aset

Pengagihan aset merujuk pada pengagihan saham-saham pelaburan dalam sesuatu dana. Menentukan peratusan keseluruhan aset dana itu dilaburkan dalam ekuiti dan wajaran yang perlu dilaburkan dalam instrumen pasaran wang. Pembahagian aset ini penting dalam menentukan prestasi sesuatu dana kerana

pembahagian aset yang baik membolehkan dana berkembang dengan baik selaras dengan perkembangan pasaran kewangan. Sebaliknya, pengagihan aset yang tidak baik dapat menyebabkan prestasi yang buruk pada dana itu. Sebagai contoh, apabila harga saham naik, peratusannya perlu diubah dan apabila harga turun peratusannya juga perlu diubah. Sekiranya menjangkakan pasaran saham sudah berada pada peringkat yang tinggi dan menurun, pengurus perlu memastikan kebanyakan aset dana adalah dalam bentuk aset cair dan hanya sedikit yang dilaburkan dalam saham. Oleh itu, apabila pasaran saham menurun, kesan kejatuhan harga saham tidak menjejaskan nilai dana dengan teruk kerana dana itu mempunyai kadar kecairan yang tinggi. Manakala apabila saham berada pada paras yang rendah dan meningkat, pengurus perlu membeli saham dengan banyak dan mengurangkan tahap kecairan dana. Dengan ini, apabila pasaran saham meningkat, nilai dana itu juga meningkat selaras dengan peningkatan harga saham yang terdapat dalam dana itu.

Manakala dari sudut syariah pula pembahagian aset sesuatu dana patuh syariah telah ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) bagi memastikan aktiviti pelaburan yang dijalankan selari dengan kehendak syarak. MPS mengeluarkan suatu penanda aras untuk memastikan sesuatu sekuriti tersebut patuh syariah. Maka, sekiranya sumbangan daripada aktiviti yang tidak selaras melebihi tanda aras yang telah ditetapkan, maka sekuriti syarikat tersebut akan diklasifikasikan sebagai sekuriti yang tidak diluluskan Syariah. Tanda aras adalah seperti berikut :

a) Tanda aras lima peratus (5%)

Tanda aras ini digunakan bagi mengukur tahap percampuran sumbangan aktiviti yang jelas keharamannya (tidak selaras dengan Syariah) seperti riba (syarikat berasaskan faedah seperti bank konvensional), judi, minuman keras dan daging babi.

b) Tanda aras 10 peratus

Tanda aras ini digunakan bagi mengukur tahap percampuran sumbangan aktiviti yang melibatkan unsur “umum balwa” iaitu perkara yang terlarang yang melibatkan kebanyakan orang dan sukar untuk dielakkan. Contoh sumbangan tersebut ialah pendapatan faedah daripada simpanan tetap dalam bank konvensional. Tanda aras ini juga digunakan bagi aktiviti yang melibatkan tembakau

c) Tanda aras 25 peratus

Tanda aras ini digunakan bagi mengukur tahap percampuran sumbangan aktiviti yang secara umumnya selaras dengan syariah dan mempunyai masalah kepada masyarakat awam namun terdapat unsur lain yang boleh menjejaskan status Syariah aktiviti berkenaan. Aktiviti yang mempunyai tanda aras ini adalah aktiviti pengoperasian hotel dan pusat peranginan, perniagaan saham, pembrokeran dan sebagainya kerana aktiviti tersebut berkemungkinan melibatkan aktiviti lain yang tidak selaras dengan Syariah.

Pemilihan saham

Terdapat dua strategi asas yang boleh digunakan untuk melabur di pasaran saham. Strategi –strategi ini adalah dalam bentuk agresif ataupun dalam bentuk konservatif. Dengan strategi agresif, pelaburan tertumpu kepada saham-saham berbentuk spekulatif, berpertumbuhan ataupun saham-saham situasi. Saham yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi dianggap sebagai saham-saham situasi. Manakala saham berbentuk spekulatif pula selalunya memberikan pulangan yang tinggi. Dalam memilih saham-saham yang mempunyai pertumbuhan tinggi kita perlu mengkaji prospek industri yang saham tersebut berada. Strategi yang berbentuk agresif juga memerlukan kita memilih saham-saham yang pada masa itu berada dalam keadaan kerugian ataupun mendapat keuntungan yang sedikit, tetapi dijangka akan berubah ataupun menunjukkan prestasi yang baik pada masa akan datang. Saham situasi merupakan saham bagi syarikat yang baru sahaja memperolehi paten bagi suatu peluang perniagaan baru ataupun syarikat-syarikat yang baru memperolehi teknologi terkini dalam pengeluaran produk mereka. Dengan strategi konservatif tumpuan pelaburan selalunya kepada saham-saham yang dikenali sebagai saham “cip biru” atau “blue chip”. Maksud cip biru adalah saham-saham bagi syarikat-syarikat yang dianggap teguh dan beribawa. Dengan perkataan lain, syarikat-syarikat yang mempunyai prestasi yang baik sama ada dalam keadaan ekonomi lembab mahupun baik, mempunyai kedudukan kewangan yang baik dan mempunyai rekod pembayaran dividen yang stabil. Syarikat-syarikat ini biasanya

mempunyai kadar pembayaran dividen yang tinggi dan selalunya diklasifikasikan sebagai saham-saham amanah.

Terdapat kaedah lain bagi menentukan kekuatan sesebuah syarikat iaitu dengan mengukur prestasi dana syarikat dan prestasi dana syarikat berbanding penanda aras yang dipilih. Perbandingan ini tidak memberikan ketepatan yang jitu tetapi sekurang-kurangnya dapat mengetahui syarikat yang mempunyai tahap pengurusan yang mantap. Selain itu, kekuatan syarikat boleh ditentukan dengan membandingkan semua dananya dengan prestasi penanda aras masing-masing.

MPS telah menggunakan beberapa kriteria tertentu iaitu kajian ditumpukan kepada aktiviti sesebuah syarikat yang sekuritinya tersenarai di Bursa Malaysia. Oleh yang demikian, tertakluk kepada beberapa syarat yang telah ditetapkan, syarikat yang menjalankan aktiviti selaras dengan prinsip Syariah akan diklasifikasikan sebagai sekuriti yang diluluskan. Sebaliknya, sesebuah syarikat diklasifikasikan sebagai sekuriti yang tidak diluluskan sekiranya syarikat menjalankan aktiviti teras yang tidak diluluskan Syariah seperti yang berikut perkhidmatan kewangan yang berteraskan *riba* (faedah), perjudian, pengeluaran atau penjualan barangan yang tidak halal atau barangan yang berkaitan, insurans konvensional, aktiviti hiburan yang tidak selaras dengan Syariah, pengeluaran atau penjualan barangan yang berasaskan tembakau atau barangan yang berkaitan, pembrokeran atau jual beli sekuriti yang tidak diluluskan Syariah dan aktiviti lain yang didapati tidak selaras dengan Syariah. Bagi syarikat yang menjalankan aktiviti bercampur di antara aktiviti yang selaras dan tidak selaras dengan Syariah, MPS mempertimbangkan dua criteria tambahan iaitu pandangan masyarakat umum tentang imej syarikat berkenaan mestilah baik dan aktiviti teras syarikat mempunyai kepentingan dan *masalahah* (kebaikan secara umum) kepada umat Islam dan negara manakala unsur yang tidak selaras dengan Syariah adalah amat kecil dan melibatkan perkara '*umum balwa* (perkara terlarang yang sukar dielakkan), '*uruf* (amalan kebiasaan) dan hak-hak masyarakat bukan Islam yang diperakui oleh Islam.

Public Mutal dan MAAKL Mutal sebagai kajian kes

Public Mutal :

Public Mutal merupakan anak syarikat milik penuh Public Bank Berhad. Public Mutal merupakan pengurus dana berlesen dan pengurus amanah saham swasta terbesar dari segi NAB. Diperbadankan pada 21 Julai 1975 dibawah nama lamanya, iaitu Kuala Lumpur Mutal Fund Berhad, Public Mutal memulakan operasinya pada 2 Julai 1980 dan merupakan antara perintis terawal dalam industri ini. Public Mutal telah menguruskan dana amanah saham Malaysia selama lebih dua dekad. ZI Shariah Advisory Services Sdn. Bhd. ("ZI Shariah") ditubuhkan pada April 2007 untuk menyediakan khidmat nasihat Syariah di dalam perbankan Islam, produk pasaran modal Islam, takaful dan pengurusan kekayaan. ZI Shariah merupakan penasihat Syariah yang bertanggungjawab memantau perjalanan Syariah dalam dana yang dilaburkan. Jadual 1 menunjukkan dana unit amanah yang ditawarkan di Public Mutal.

MAAKL Mutal :

MAAKL Mutal telah beroperasi pada 16b Oktober 200 di bawah Companies Act 1965. Pada Disember 2003, MAAKL Mutal telah berjaya menjadikan MBf Corporation Unit Trust Management Berhad (MBfUT) sebagai pengurus kepada MAAKL Balance Fund, MAAKL Value Fund, MAAKL Equity Index Fund and MAAKL Syariah Index Fund. Mnjelang 31 Mac 2004, nama syarikat telah ditukar kepada MAAKL Mutal Bhd sebagai tanda kerjasama yang dijalin antara Khyr Liberty Sdn Bhd. Pemangku MAAKL Mutal Y.M. Tunku Dato' Ya'acob Bin Tunku Tan Sri Abdullah mempunyai pengalaman lebih 20 tahun dalam industri insuran. Gabungan pengalaman selama lebih 88tahun dalam pengurusan, Tunku Ya'acob, Encik Wong Boon Choy, Encik Patrick Nge, Encik Muhamad Umar Swift dan encik Edmond Cheah, MAAKL Mutal akan berjaya mencapai syarikat unit amanah yang paling dipercayai di Malaysia. Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM) merupakan badan yang memantau perjalanan pelaburan dana dalam jadual 2, (Maakl Al-Afauzan, MAAKL Al-Umran, MAAKL As-Saad, MAAKL Al-Umran, MAAKL Al-Ma'mun, MAAKL CW Syariah Flexi Funds, MAAKL HW Syariah Flexi Funds, MAAKL HW Syariah Progress Funds, MAAKL Syariah Asia-Pacific Funds, MAAKL Syariah Index Funds, MAAKL Al-Faid).

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif dengan menjalankan analisis perbandingan terhadap pengurusan dana unit amanah Islam yang dijalankan di MAAKL Mutual dan Public Mutual. Oleh yang demikian, kajian ini tidak menggunakan kaedah ekonometrik dalam menganalisis hasil kajian yang diperolehi. Kajian yang dijalankan bagi memastikan hasil kajian diperolehi bertepatan dan memberikan sumbangan untuk rujukan kajian masa akan datang.

Bentuk kajian

Data yang diperolehi penulis dibahagikan kepada dua bahagian iaitu data primer dan data sekunder :

Data Primer

Data primer merupakan salah satu sumber terpenting bagi memastikan ketepatan dalam memperoleh hasil kajian. Oleh itu, penulis memilih untuk mendapatkan data ini melalui sesi temubual bersama wakil institusi yang berkaitan unit amanah dari kedua-dua institusi yang terlibat dengan kajian ini. Beberapa bentuk soalan disediakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan pengurusan dana yang dijalankan dalam kedua-dua institusi ini. Soalan yang diajukan memberi pemfokusan berkaitan tiga aspek iaitu pengurusan dana, pemilihan aset dan pemilihan saham.

Data Sekunder

Data sekunder yang digunakan bertujuan memperkukuhkan lagi hasil kajian yang diperolehi melalui data primer. Bahan yang diperolehi melalui data sekunder ini adalah melibatkan pengumpulan bukti melalui bahan bercetak seperti buku-buku, jurnal-jurnal, kertas projek, thesis dan latihan ilmiah. Selain itu, penulis turut mendapatkan maklumat kajian melalui sumber elektronik termasuklah jurnal elektronik dan sumber dari laman sesawang yang berautoriti.

Pengumpulan data

Kaedah kajian perpustakaan

Kajian perpustakaan ini penting dalam memulakan sesuatu kajian yang dijalankan dan bertujuan memperkukuhkan hasil kajian yang diperolehi serta meneliti kajian yang telah dijalankan sebelum ini bagi memastikan kajian yang dijalankan tidak berlaku pengulangan atau pertindihan. Penulis memulakan kajian dengan mendapatkan maklumat berkaitan unit amanah melalui bahan bercetak seperti buku-buku, jurnal-jurnal, latihan ilmiah, thesis kertas projek dan laporan-laporan tahunan bercetak. Bahan-bahan kajian ini melibatkan beberapa buah perpustakaan dalam Kampus Universiti Malaya dan luar kampus seperti Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'aba, Perpustakaan Pengajian Islam dan Perpustakaan Ekonomi manakala perpustakaan luar kampus yang terlibat antaranya perpustakaan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia, Perpustakaan Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dan Perpustakaan Universiti Teknologi Mara Cawangan Pahang.

Kaedah Dokumentasi

Melalui kaedah ini, penulis turut mengumpulkan data berkaitan unit amanah bagi MAAKL Mutual dan Public Mutual yang diperolehi dari Pejabat Bursa Malaysia. Data yang dikumpulkan oleh penulis merupakan data bulanan bagi kedua-dua institusi ini bertujuan mengkaji perkembangan pelaburan mengikut tahun. Sebahagian data turut diperolehi melalui laman sesawang yang berautoriti seperti portal kerajaan, Suruhanjaya Sekuriti (SC), *Islamic Banking Finance Institute Malaysia (IBFIM)*, *Federation Investment Managers Malaysia (FIMM)*, *Malaysian Unit Trust Information (MUTI)*, dan laman sesawang berautoriti yang lain. Maklumat yang diperolehi bahan yang terkini berkaitan unit amanah yang tidak terdapat dalam bahan bercetak.

Kaedah Temubual

Penulis menggunakan kaedah ini bagi memastikan hasil kajian terbaik diperolehi diakhir kajian. Sesi temubual yang dijalankan melibatkan kedua-dua institusi ini. Penulis memilih empat orang responden yang berautoriti dalam institusi iaitu dua orang responden dari MAAKL Mutual dan dua orang responden dari Public Mutual. Responden yang dipilih dalam sesi temubual ini ialah pengurus dana dan

penasihat syariah institusi. Dua set soalan disediakan sebelum sesi temubual dijalankan. Soalan ini akan diajukan kepada dua institusi yang terlibat dalam kajian ini iaitu MAAKL Mutual dan Public Mutual. Soalan-soalan yang disediakan adalah berbentuk khusus iaitu tertumpu kepada tiga aspek penting yang menjadi tunjang utama kepada kemunculan kajian ini. Antara tiga aspek tersebut adalah berkaitan pengurus dana, pemilihan saham dan pembahagian aset. Tiga aspek inilah yang menjadi penekanan dalam temubual yang dijalankan bagi kedua-dua institusi ini. Namun begitu, penulis tetap mengambil berat berkaitan kesahan soalan yang akan diajukan kepada institusi yang berkenaan. Oleh yang demikian, penulis menyemak kesahan soalan bersama penyelia akademik dan ketua jabatan bagi memastikan soalan yang diajukan bersesuaian sebelum sesi temubual dijalankan. Selain itu, penulis memastikan temujanji telah disusun terlebih dahulu bersama pihak yang terlibat dengan sesi temubual ini bagi memastikan sesi temubual berjalan dengan lancar dan mengikut jadual yang telah disusun serta tidak mengganggu masa pihak yang terlibat. Semasa sesi temubual dijalankan, penulis memohon kebenaran untuk membuat rakaman suara dengan menggunakan alat perakam suara bagi memastikan hasil temubual dapat diolah dengan baik dan bertepatan dengan maklumat yang disampaikan. Penulis turut berhati-hati dalam mengajukan soalan bagi memastikan tidak berlaku berat sebelah bagi mana-mana institusi yang terlibat. Setelah selesai sesi temubual yang dijalankan, penulis menganalisis bahan temubual yang diperolehi berdasarkan hasil catatan dan hasil rakaman suara semasa sesi temubual. Penulis mengulang perakam suara dan mencatatkan hasil temubual yang dijalankan sebelum proses menganalisa bahan temubual.

Instrumen Kajian

Penulis meneliti setiap proses temubual yang dijalankan bagi memastikan dapatan kajian melalui bahan utama ini terpelihara dari unsur berat sebelah dan kepalsuan maklumat. Selain itu, penulis turut bersedia dengan maklumat awal berkaitan perjalanan institusi yang terlibat sebelum sesi temubual dijalankan. Selain itu, penulis turut merujuk kepada penyelia akademik bagi memastikan soalan yang diajukan bersesuaian dan tidak terkeluar dari objektif sebenar kajian. Peringkat penyediaan set soalan bagi sesi temubual adalah seperti berikut :

- i. Menyeneraikan aspek yang menjadi tumpuan utama kajian
- ii. Menyediakan dua set soalan yang mengandungi tiga soalan utama
- iii. Menyemak kesesuaian soalan yang disediakan bersama penyelia akademik
- iv. Memastikan set soalan yang sama disediakan untuk kedua-dua institusi terlibat
- v. Memilih institusi untuk dijadikan sampel kajian mengadakan temujanji sebelum sesi temubual dijalankan

Penulis membahagikan soalan kepada tiga bahagian utama iaitu bahagian A, bahagian B dan bahagian C. Pembahagian tersebut dibuat berdasarkan tiga aspek utama yang menjadi tumpuan utama kajian ini. Antara tiga aspek utama tersebut berkaitan pengurus dana, pemilihan saham dan pembahagian aset.

Bahagian A adalah soalan berkaitan pengurus dana saham yang menguruskan perjalanan saham dalam sesebuah institusi pelaburan unit amanah. Penulis menyentuh berkaitan kriteria pemilihan seseorang pengurus dana dalam sesebuah institusi pelaburan unit amanah. Selain itu, penulis turut menyentuh berkaitan latihan atau penambahbaikan yang diberikan kepada seseorang pengurus dana. Soalan turut menyentuh berkaitan tugas-tugas seseorang pengurus dana dalam sesebuah institusi pelaburan unit amanah serta kesan yang berkemungkinan berlaku kepada pelaburan sekiranya berlaku masalah yang membabitkan pengurus dana.

Bahagian B pula penulis menekankan aspek pemilihan saham yang digunakan dalam sesebuah institusi pelaburan khususnya pelaburan dana Islam. Antara aspek yang menjadi penekanan adalah berkaitan kriteria pemilihan saham sebelum sesuatu dana dimasukkan ke dalamnya. Serta aspek-aspek lain yang perlu diambil kira bagi memastikan dana berkembang dengan baik dalam masa yang sama selari dengan prinsip syariah.

Bahagian C ini penulis ingin mengetahui berkaitan pembahagian aset sesebuah institusi pelaburan ini. Hal ini disebabkan setiap institusi mempunyai tempoh dan peratusan yang berbeza dalam membahagikan aset yang terdapat dalam institusi pelaburan masing-masing khususnya yang melibatkan pelaburan dana amanah Islam. Mengenalpasti jumlah yang ditetapkan oleh syarikat ke dalam saham patuh syariah.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Sepanjang kajian yang dijalankan, penulis mendapati kajian-kajian tersebut mempunyai tiga bentuk iaitu berkaitan kajian umum, kajian prestasi dan kajian pemfokusan. Tiga bentuk penemuan ini menunjukkan kajian-kajian ini sebahagiannya berbentuk umum dan sebahagian lagi lebih khusus berkaitan pengurusan dana dari institusi yang berlainan.

Kajian Umum

Mahani Bt Mohamed telah menjalankan suatu kajian bertujuan mengkaji peranan pelaburan dalam pertumbuhan ekonomi negara serta mengenalpasti arah tujuan pelaburan pada masa kini disamping melihat peluang pelaburan pada masa hadapan. Penulis menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan menganalisis data iaitu dengan meneliti perkaitan antara pelaburan dan pertumbuhan ekonomi negara. Kajian ini menunjukkan peningkatan dalam pelaburan merapatkan jurang antara tabungan dan pelaburan seterusnya mengurangkan hutang negara disamping mengurangkan imbalan pembayaran dalam sektor perbankan serta mampu meningkatkan produktiviti negara dan memulihkan pasaran saham. Selain itu kajian ini juga mendapati pelaburan Islam mementingkan aspek kebajikan berbanding pelaburan dari sudut konvensional. Namun, penerimaan masyarakat terhadap pelaburan secara Islam masih lagi kurang berbanding pelaburan konvensional dan kajian juga mendapati pelaburan Islam lebih mementingkan aspek kebajikan berbanding pelaburan konvensional.

Seterusnya kajian yang dijalankan oleh Mohamad Yamin Bin Ismail, bertujuan memastikan teori dan amalan amanah Islam di negara ini mematuhi prinsip-prinsip syariah dan memastikan sejauhmana peranan yang dimainkan oleh amanah saham Islam sebagai salah satu instrumen pasaran modal Islam di negara ini. Selain itu, penulis turut menilai sama ada nilai dan prasarana serta produk-produk amanah Islam di negara ini mencukupi untuk perkembangan pasaran modal Islam di Malaysia. Kajian yang dilakukan meliputi pelaksanaan amanah Islam dari sudut teori dan pelaksanaannya termasuk perkembangannya. Serta berkaitan perkembangan amanah saham Islam di Malaysia dengan meninjau tujuh buah institusi yang mengendalikan dana amanah Islam di Malaysia tinjauan berdasarkan saiz dana yang diluluskan. Penulis menggunakan kaedah penumpulan data dan kajian perpustakaan semasa menjalankan kajian ini. Berdasarkan kajian yang dijalankan penulis mendapati amanah saham merupakan satu usaha untuk membolehkan orang ramai membeli unit saham syarikat yang diterbitkan, penanaman modal secara berkelompok dan digabungkan dalam satu tabungan. Tambahan pula, mereka yang tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam boleh melibatkan diri untuk melabur dan menikmati pulangan dengan risiko yang minimum. Namun, dana-dana Islam di negara ini harus diperbanyakkan bagi memenuhi keperluan masyarakat kini.

Kajian Prestasi atau operasi

Suatu kajian bertujuan mengenalpasti kepentingan nilai Islam dalam pelaburan yang dijalankan oleh Mohd Azlan Yahya. Kajian ini memberi tumpuan kepada nilai-nilai Islam syarikat yang dapat dikenalpasti melalui laporan korporat. Kajian ini menggunakan pendekatan berasaskan kepada gelagat (*behavioral based research*) untuk memeriksa sama ada nilai-nilai Islam tersebut penting atau tidak kepada ASI untuk membuat keputusan pelaburan. Kajian ini menggunakan dua kaedah iaitu menemuduga 13 eksekutif ASI dan memeriksa persepsi mereka terhadap nilai-nilai Islam syarikat bagi membuat keputusan pelaburan serta menggunakan kaedah pemeriksaan terhadap laporan tahunan bagi syarikat yang dilabur ASI dan syarikat yang tidak dilabur ASI. Hasil kajian mendapati syarikat yang mengamalkan nilai-nilai Islam akan mendapat insentif melalui pemilikan saham oleh ASI dalam syarikat mereka. Kajian ini juga menjadi nilai tambah kepada para pelabur Islam dengan menggunakan satu set nilai-nilai Islam syarikat yang boleh didapati daripada laporan tahunan korporat yang boleh dijadikan panduan pelaburan ekuiti seperti yang dikehendaki oleh Allah s.w.t.

Kajian yang dijalankan oleh Fakhruddin Sulaiman bertujuan mengkaji pemahaman asas berkaitan unit amanah berasaskan Islam dan menganalisa perkembangannya dengan merujuk kepada dana yang diuruskan di Public Mutual Berhad. Penulis menggunakan kaedah kajian perbandingan dengan menjadikan tiga aspek utama sebagai garis panduan kajian iaitu prinsip syariah yang digunakan, kriteria dan pengurusan saham dalam Public Mutual serta mengkaji prestasi saham berdasarkan kepada pulangan yang diperolehi. Hasil kajian mendapati bahawa kelima-lima dana saham Islam yang dilaburkan di Public Mutual menepati konsep-konsep asas pelaburan dalam unit amanah saham Islam. Hal ini menunjukkan bahawa dana-dana tersebut selari dengan kehendak syariat.

Suatu kajian perbandingan yang dijalankan oleh Rozihanim Shekh Zain bagi mengenalpasti perbandingan diantara saham amanah yang diperuntukkan oleh kerajaan dan saham amanah yang dikeluarkan oleh institusi swasta. Prestasi saham diukur berdasarkan shape index, adjusted shape index, treynor index dan adjusted Jensen's alpha. Hasil kajian mendapati baji jangka masa 1993-2001, saham

amanah di Malaysia berada di bawah paras pasaran saham (KLCI). Di samping itu, kajian juga mendapati tiada perbezaan dalam pulangan diantara saham amanah kerajaan dan saham amanah swasta, bahkan saham amanah swasta menunjukkan pulangan yang lebih tinggi dan mempunyai risiko yang lebih rendah daripada saham amanah kerajaan. Namun tahap konsistensi saham amanah yang disokong oleh kerajaan menunjukkan tahap konsistensi yang lebih baik.

Kajian Pemfokusan

Kajian yang dijalankan oleh Amalurramzan Bin Ab Manan bertujuan mengenalpasti potensi dan peluang yang ditawarkan oleh amanah saham Islam di Malaysia kepada pelabur Muslim. Penulis menggunakan kaedah kajian soal selidik bagi mengenalpasti penerimaan masyarakat khususnya masyarakat muslim berkenaan pemahaman sebenar mereka berkaitan saham amanah. Kajian ini membuktikan saham amanah semakin mendapat tempat dihati pelabur khususnya muslim. Namun, pelabur masih kurang memahami konsep sebenar pelaburan saham amanah berteraskan syariah. Selain itu PNB memperkenalkan saham amanah bagi menarik minat lebih ramai masyarakat berkecimpung dalam pelaburan amanah saham.

Siti Zaleha Feroze Din telah menulis sebuah buku membincangkan aspek-aspek asas berkaitan saham amanah yang merupakan perancangan kewangan jangka panjang. Penulis menerbitkan buku ini bertujuan memberikan pendidikan kepada masyarakat mengenai perjalanan industri ini di Malaysia. Penulisan buku ini mengupas aspek pelaburan bersaiz kecil, sederhana dan besar. Buku ini menyentuh berkaitan aspek-aspek penting dalam pelaburan saham amanah khususnya berkaitan sejarah saham amanah, pengurus dana, prinsip dan konsep dana amanah, pengagihan dana, pemilihan saham dan perbandingan antara industri dana amanah dan industri perbankan kewangan. Bahan yang terkandung dalam buku ini membantu masyarakat untuk memahami aspek asas berkaitan saham amanah dan membolehkan masyarakat mendapatkan pengetahuan awal berkenaan saham amanah.

Rosliza bt. Mohamed Yusoff telah menjalankan suatu kajian berkaitan pengurusan dana dalam saham amanah. Kajian yang dijalankan oleh penulis bertujuan mendapatkan gambaran yang jelas tentang operasi yang dijalankan oleh syarikat pengurusan terhadap unit amanah yang diterbitkan dan peranan pemegang amanah berdasarkan surat ikatan amanah. Kajian yang dijalankan oleh penulis meliputi aspek pengurusan dana secara Islam yang dipraktikkan oleh ASNITA serta memberi penekanan pada portfolio, metodologi pengurusan dana dan pengurusan risiko pelaburan ASNITA. Selain itu penulis turut meninjau potensi perkembangan industri saham amanah berdasarkan pembolehubah pasaran modal semasa. Sepanjang kajian dijalankan penulis menggunakan metod pengumpulan data melalui kaedah dokumentasi, kajian perpustakaan dan wawancara serta metod analisis data induktif, deduktif dan komperatif. Hasil kajian mendapati kejayaan sesebuah syarikat pengurusan dana bukanlah bermakna dana dan aset kewangan yang dimiliki akan tetapi kemahiran menganalisis pasaran, peka dengan perubahan persekitaran dan ramalan yang sentiasa terkehadapan mampu mencorakkan individu ataupun institusi menjadi pengurus pelaburan yang baik. Penulis mendapati teknik pembuatan keputusan yang dilaksanakan adalah sistematik dan meyakinkan. Pihak pengurusan ASNITA turut mengaplikasi konsep musyawarah dalam pemilihan portfolio pelaburannya. pemilihan portfolio bukan sahaja diputuskan oleh satu pihak bahkan diputuskan secara bersama serta memahami konsep dan pelaksanaan pengurusan dana syariah terutamanya dalam industri saham amanah tempatan.

Berdasarkan sorotan kajian lepas yang dijalankan, penulis mendapati masih belum terdapat kajian dijalankan bagi mengkaji pengurusan dana unit amanah Islam ini secara khusus terutama kajian yang melibatkan kedua-dua institusi ini iaitu di MAAKL Mutual dan Public Mutual. Oleh yang demikian, penulis bermatlamat untuk menjadikan skop pengurusan dana unit amanah Islam ini sebagai kajian lanjutan.

DAPATAN KAJIAN

Analisis kajian terhadap pengurusan dana unit amanah Islam ini dibahagikan kepada tiga kategori iaitu kategori pengurus dana, pemilihan saham dan pembahagian aset.

Analisis Pengurusan Dana Kategori Pengurus Dana :

Analisis pengurusan dana bagi kategori pengurus dana ini ditentukan dengan melihat perbezaan aspek pengurus dana yang terdapat dalam kedua-dua institusi ini. Bagi pengurusan dana di Public Mutual, entiti yang bertanggungjawab menguruskan dana ini adalah Jabatan Pelaburan. Organisasi Jabatan

Pelaburan ini telah dibahagikan mengikut tugas masing-masing dan bertanggungjawab keatas kategori dana yang telah dibahagikan. Sebagai contoh, berdasarkan jadual 3, Penolong Pengurus Besar bertanggungjawab keatas pelaburan bagi bahagian pendapatan tetap. Manakala Pengurus kanan, Pengurus, Timbalan Pengurus, Penolong Pengurus, Eksekutif Kanan dan Eksekutif bertanggungjawab memberikan bantuan tambahan dalam memantau pembolehubah dan perkembangan makroekonomi dan analisis kewangan pelbagai syarikat tersenarai. Namun terdapat sedikit perbezaan dari aspek pengurusan dana di MAAKL Mutal iaitu melibatkan entiti lain sebagai pengurus dana bagi menguruskan dana-dana yang dilaburkan. Pengurus dana yang bertanggungjawab dalam menguruskan dana-dana ini mempunyai rekod yang baik dan berpengalaman lebih 10 tahun dalam industri pengurusan dana saham amanah.

Manakala dalam aspek penekanan Syariah pula, kedua-dua dana telah menetapkan pegawai yang bertanggungjawab dalam persoalan Syariah berkaitan dana. Bagi Penasihat Syariah yang ditugaskan di Public Mutal adalah ZI Shariah Advisory Services Sdn. Bhd manakala di MAAKL Mutal pula adalah Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM). Kedua-dua badan penasihat Syariah ini bertanggungjawab memastikan perjalanan dana sentiasa patuh Syariah mengikut penanda aras yang telah ditetapkan oleh MPS.

Analisis Pengurusan Dana Kategori Pemilihan Saham :

Bagi menganalisis aspek pemilihan saham, dana yang terlibat terbahagi kepada tiga kategori iaitu dana ekuiti, dana bon/sukuk dan dana pasaran wang. Aspek pemilihan saham bagi dana-dana Islam, kedua-dua institusi ini menerangkan secara terperinci aspek-aspek yang perlu ditekankan sebelum sesuatu saham itu dipilih untuk dimasukkan dana kedalamnya. Aspek-aspek yang menjadi penekanan antaranya perjalanan perniagaan syarikat yang akan dipilih mestilah tidak terlibat dengan aktiviti yang diharamkan disisi syarak mengikut penanda aras yang telah ditetapkan. Merujuk kepada jadual 4, kedua-dua institusi ini telah menggunakan dua peringkat saringan yang sama iaitu analisis kuantitatif dan analisis kualitatif bagi menganalisis syarikat yang akan dipilih bertujuan memastikan perjalanan perniagaan syarikat agar selari dengan penanda aras yang ditetapkan sebelum status Syariah diberikan kepada syarikat tersebut.

Analisis Pengurusan Dana Kategori Pembahagian Aset :

Analisis pembahagian aset merujuk kepada peratusan NAB yang ditetapkan oleh kedua-dua institusi ini kedalam instrumen pelaburan berasaskan Islam. Merujuk kepada jadual 5, dana ekuiti di Public Mutal menetapkan sekurang-kurangnya 15 hingga 20% daripada NABnya dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam. Manakala bagi dana bon/ sukuk pula Public Mutal menetapkan 75 hingga 98% dilaburkan dalam sukuk dan bakinya dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam. Seterusnya bagi dana pasaran wang Islam di Public Mutal menetapkan 100% daripada NABnya dilaburkan dalam insturmen pasaran wang Islam dan deposit berasaskan Syariah. Bagi dana ekuiti, Public Mutal menetapkan setiap nilai baki NAB dilaburkan dalam insturmen pasaran wang Islam tetapi, MAAKL Mutal pula sedikit berbeza iaitu institusi ini telah menetapkan bagi setiap dana ekuiti dan dana bon sekurang-kurangnya 2% nilai NABnya dilaburkan dalam aset cair berasaskan Syariah. Manakala bagi dana pasaran wang nilai NABnya sama seperti Public Mutal iaitu melaburkan sehingga maksimum 100% dari nilai NABnya dalam instrumen pasaran wang Islam. Oleh yang demikian, dana-dana unit amanah Islam bagi kedua-dua institusi ini telah menetapkan jumlah yang tertentu yang mesti dilaburkan dalam insturmen berasaskan Syariah bagi memastikan dana tersebut selari dengan prinsip Syariah yang telah ditetapkan.

Kesimpulannya, sesebuah institusi unit amanah memerlukan pengurus dana yang mampu menguruskan dana dengan baik dan aspek yang paling penting pengurusan terhadap sesuatu dana tersebut bergantung kepada pengurus dana yang telah dipertanggungjawabkan. Sebuah syarikat yang berjaya mampu membahagikan dan menjalankan tugas dengan baik. Manakala pemilihan saham yang betul perlu dititikberatkan agar dana yang dilaburkan dapat berkembang dengan baik. Namun, aspek Syariah juga perlu diteliti agar dana yang dilaburkan menepati piawaian Syariah yang ditetapkan oleh MPS. Seterusnya aspek pembahagian aset juga penting dalam menentukan perkembangan dana yang dilaburkan. Namun jumlah aset yang dilaburkan perlulah diteliti sebaiknya agar dana yang dilaburkan menepati kehendak Syarak. Walaubagaimanapun, kestabilan dana juga mesti dititikberatkan agar dana sentiasa berkembang dalam masa yang sama patuh Syariah.

RUMUSAN DAN PERBINCANGAN/ PENUTUP

Oleh yang demikian, penelitian terhadap pengurusan dana dalam sesebuah institusi pelaburan perlulah dititik beratkan agar hasil pelaburan yang diperolehi sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan memuaskan. Pelabur perlu bijak dalam memilih institusi unit amanah ini. Oleh yang demikian kriteria-kriteria yang telah dibincangkan sebelum ini perlu diambil kira bagi memastikan institusi unit amanah yang dipilih mendatangkan kebaikan kepada pelabur. Berdasarkan kajian yang dijalankan penulis merumuskan bahawa masih terdapat faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi pengurusan dana dalam unit amanah Islam. Oleh yang demikian kajian lanjut perlu dilakukan bagi memastikan agar industri terus berkembang. Hal ini disebabkan, institusi unit amanah ini mempunyai potensi yang besar untuk terus melonjak naik selaras institusi-institusi lain yang terdapat di Malaysia. Kajian berkenaan dana amanah Islam perlu terus dipertingkatkan agar institusi ini terus berkembang bertujuan mengalakkan masyarakat memahami seterusnya melibatkan diri dalam dunia pelaburan Islam. Serta yang lebih penting memastikan ekonomi umat Islam terus berkembang dan menjadikan industri pelaburan menjadi pilihan utama masyarakat seluruh dunia samada Islam mahupun bukan Islam.

RUJUKAN

- Amalurrmanzan Ab Manan. (2002). Penglibatan Pelabur Muslim dalam amanah Saham Islam : Kajian di ASM Mara Unit Trust Management Berhad. Latihan Ilmiah tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Jabatan Syariah dan Ekonomi.
- Chan C. L. (1998). Pengurusan Unit Amanah : Kajian Kes keatas OSK-UOB Unit Trust Management Berhad. Kertas Projek tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran.
- Fakhruddin Sulaiman, Fadillah Mansor. (2009). Operasi Dana Saham Amanah Secara Islam : Kajian Kes di Public Mutual BHD. *Jurnal Syariah*, (1), 17.
- Laman Web MAAKL Mutual, <https://www.maaklmutual.com.my/>
- Laman Web Public Mutual, <http://www.publicmutual.com.my/>
- Leow, H. C. & Leong, K. H. (1998). Unit Amanah di Malaysia : kajian Kesan Pembentukan Portfolio dan Faktor-faktor lain ke atas tingkat pulangan serta ukuran-ukuran pencapaian yang lain. Kertas Projek tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Jabatan Ekonomi Analisa.
- Mahani Mohamed. (1999). Pelaburan : Peranannya Dalam Pertumbuhan Ekonomi Negara. Latihan Ilmiah tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Jabatan Syariah dan Ekonomi.
- Mohamad Yamin Ismail. (2006). Amanah saham Islam : Teori dan Pelaksanaannya di Malaysia. Thesis tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Azlan Yahya. (2005). *Kepentingan Nilai-Nilai Islam Syarikat Terhadap Keputusan Pelaburan Oleh Amanah Saham Islam*. (disertasi kedoktoran). Dipetik dari <http://etd.uum.edu.my/>
- Othman Yong (1995), *Pasaran Saham dan Anda*. Kuala Lumpur : Leeds Publication.
- Rosliza Mohamed Yusoff. (2002). Amanah Saham Wanita : Kajian Dari Perspektif Pengurusan Dana. Latihan Ilmiah tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Jabatan Syariah dan Ekonomi.
- Rozihanim Shekh Zain. (2003). The Performance Of Malaysian Unit Trust : Government Sponsored Funds Versus Private Funds (1993-2001). Thesis tidak diterbitkan. University Utara Malaysia, School Of Finance and Banking.
- Sin, M. W. (1996). Sejauh manakah pelaburan dalam unit amanah (unit trust) selamat? : Kajian Kes Malaysian. Kertas Projek tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran.
- Siti Zaleha Ferozi Din. (1995). *Saham Amanah Ekuiti*. Selangor : Unitra Research Enterprice.
- Sunthara S. (2008). *Rahsia Melabur Dalam Unit Amanah*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

JADUAL 1 : Dana Unit Amanah Public Mutual

Kod Dana	Dana Konvensional	Kod Dana	Dana Patuh Syariah
PBGF	PB Dana Growth	PBIEF	PB Dana Islamic Equity
PBAEF	PB Dana Asia Equity	PBIAEF	PB Dana Islamic Asia Equity
PBADF	PB Dana ASEAN Dividend	PBIASSF	PB Dana Islamic Asia Strategic Sector
PBEPEF	PB Dana Euro Pacific Equity	PBIBF	PB Dana Islamic Bond
PBCPEF	PB Dana China Pacific Equity	PBSKF	PB Dana Sukuk
PBCAEF	PB Dana China ASEAN Equity	PBICMF	PB Dana Islamic Cash Management
PBCAUEF	PB Dana China Australia Equity		
PBSGA30EF	PB Dana Singapore Advantage-30 Equity		
PBAPENTF	PB Dana Asia Pacific Enterprises		
PBAEGF	PB Dana Asia Emerging Growth		
PBGSQF	PB Dana Growth Sequel		
PBBF	PB Dana Balanced		
PBAREIF	PB Dana Asia Real Estate Income		
PBADBF	PB Dana Australia Dynamic Balanced		
PBINDOBF	PB Dana Indonesia Balanced		
PBFI	PB Dana Fixed Income		
PBINFBF	PB Dana Infrastructure Bond		
PBBOND	PB Dana Bond		
PBCMF	PB Dana Cash Management		

Sumber : Prospektus Induk Public Mutual

JADUAL 2 : Dana Unit Amanah MAAKL Mutual

Kod Dana	Dana Konvensional	Kod Dana	Dana Patuh Syariah
MPF	MAAKL Progress	MSAP	MAAKL Shariah Asia - Pacific Fund
MCF	MAAKL - CM Flexi	MCS	MAAKL - CM Shariah Flexi Fund
MGF	MAAKL Growth	MAU	MAAKL Al-Umran
MEIF	MAAKL Equity Index	MAFZ	MAAKL Al-Fauzan
MRSF	MAAKL Regular Savings	MSIF	MAAKL Syariah Index Fund
MBLF	MAAKL Balance	MAF	MAAKL Al-Faid
MDF	MAAKL Dividend	MAS	MAAKL As-Saad
MUS	MAAKL U.S. Equity	MAM	MAAKL Al-Ma'mun
MPCF	MAAKL Pacific		
MIE	MAAKL Indonesia Equity		
MAPR	MAAKL Asia-Pacific Reit		
MVF	MAAKL Value		
MHF	MAAKL - HW Flexi		
MGCF	MAAKL Greather China		
MNF	MAAKL MI Flexi		
MBF	MAAKL Bond		
MMMMF	MAAKL Money Market		

Sumber : Prospektus Induk MAAKL Mutual

JADUAL 3 : Pengurusan Dana Unit Amanah Islam Kategori (Pengurus Dana)

Public Mutual	MAAKL Mutual
<p>Jawatankuasa ini bermesyuarat dua kali sebulan dan memantau pencapaian objektif pelaburan jangka panjang dana. Fungsi terperinci Jawatankuasa ini adalah seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengkaji semula prestasi dan portfolio dana - Mengkaji semula prestasi pasaran dan prospeknya masing-masing - Mengkaji semula dan meluluskan strategi portfolio yang disyorkan oleh Jabatan Pelaburan - Mengkaji semula strategi portfolio asing dana - Mengkaji semula laporan mengenai jualan dan belian mingguan pelaburan <p>Pengurusan Dana dan Proses Pelaburan :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengurus Besar Kanan-Pelaburan. - Pengurus Besar-Pelaburan, - Penolong Pengurus Besar-Pelaburan, Bahagian Ekuiti. - Penolong Pengurus Besar-Pelaburan, Bahagian Pendapatan Tetap. - Pengurus Kanan Portfolio dan Pengurus Portfolio- Pelaburan, Bahagian Pendapatan Tetap - Pengurus Kanan, Pengurus, Timbalan Pengurus, Penolong Pengurus, Eksekutif Kanan dan Eksekutif yang memberikan bantuan tambahan dalam memantau pembolehubah dan perkembangan makroekonomi dan analisis kewangan pelbagai syarikat tersenarai. <p>Pegawai yang bertanggungjawab untuk persoalan Syariah berkaitan dana :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dr Mohamad Akram Laldin (Penasihat Syariah) - Profesor Dr Ashraf Bin Md Hashim (Penasihat Syariah) - Profesor Madya Dr Shafaai Bin Musa (Penasihat Syariah) 	<p>Fungsi Pengurus Dana : Fungsi utama Pengurus Dana adalah untuk menguruskan pelaburan Dana aktif selaras dengan objektif pelaburan Dana. Pengurus Dana akan mengambil kira peraturan-peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan dan Surat Ikatan dan akan melaporkan mengenai status pelaburan dana dan strategi pelaburan yang dicadangkan kepada Jawatankuasa Pelaburan Dana sekurang-kurangnya sekali sebulan.</p> <p>Maklumat Pengurus Dana :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Meridian Asset Management Sdn Bhd (“Meridian”) : Mendapat kelulusan menjadi syarikat pengurus dana yang diluluskan oleh SC. Meridian mempunyai pengalaman lebih 17 tahun dalam industri pengurusan dana. - CIMB-Principal Asset Management Berhad (“CIMB-Principal”) : Memulakan operasi sebagai sebuah syarikat amanah pada bulan November 1995. Mempunyai pengalaman lebih 16 tahun dalam industri unit amanah. - Hwang Investment Management Berhad (“HwangIM”) : Dilantik sebagai pengurus dana MHF dan MSPF. HwangIM telah diperbadankan di Malaysia pada 2 Mei 1997 di bawah Akta Syarikat, 1965 dan mula beroperasi di bawah nama Unit Hwang-DBS Amanah (HDBSUT) Berhad pada tahun 2001. Mempunyai lebih 36 tahun dalam industri sekuriti. - Manulife Asset Management Services Berhad : Diperbadankan di Malaysia pada 30 September 2008 dan mempunyai 3 tahun pengalaman dalam pengurusan dana. <p>Profil Pegawai yang bertanggungjawab untuk persoalan Syariah berkaitan dana :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mohd Bakir Haji Mansor (Penasihat Syariah) - Mohd Nasir Ismail (Penasihat Syariah) - Ahmad Zakirullah Mohamed Shaarani (Pegawai Kanan Syariah)

Sumber : Prospektus Induk Public Mutual dan MAAKL Mutual

JADUAL 4 : Pengurusan Dana Unit Amanah Islam Kategori (Pemilihan Saham)

DANA EKUITI	
Public Mutual	MAAKL Mutual
<p>Pengurus akan melabur dalam sekuriti patuh Syariah asing yang diluluskan /disahkan oleh Penasihat Syariah. Pelaburan dana mungkin juga menyertai tawaran Awam Awal (IPO) syarikat-syarikat yang cuba mendapatkan penyenaraian di Bursa Sekuriti atau pasaran asing lain yang dibenarkan yang dikategorikan sebagai Patuh Syariah. Di samping itu, dana</p>	<p>Rujukan untuk pelaburan di Malaysia dalam sekuriti tempatan adalah berdasarkan senarai sekuriti patuh Syariah yang dikeluarkan oleh SACSC dua kali setahun pada hari Jumaat setiap akhir bulan Mei dan November yang disiarkan di laman web Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Walaubagaimanapun Tawaran Awam Awal (IPO) bagi syarikat yang belum ditentukan status Syariah oleh SACSC, digunapakai</p>

<p> mungkin mendapat nasihat daripada Penasihat Syariah bagi memastikan taraf Syariah IPO. Dana mungkin melabur dalam sukuk dan instrumen pasaran wang Islam untuk menjanakan pulangan. Bagi sekuriti yang tersenarai di Bursa Sekuriti, rujukan dibuat kepada senarai sekuriti patuh Syariah yang ditentukan oleh Majlis Penasihat Syariah SS setiap setengah tahun. Pelaburan dana dalam sekuriti asing akan dipilih menurut sekuriti yang dikategorikan sebagai Patuh Syariah.</p> <p> Untuk sekuriti dikaji semula oleh Penasihat Syariah, Pengurus Dana mula-mula akan mengenalpasti dahulu sekuriti yang memenuhi kriteria pelaburannya di pasaran asing terpilih yang dibenarkan oleh SS. Semua Dokumen yang berkaitan dengan maklumat terkini mengenai aktiviti perniagaan, penyata kewangan dan maklumat lain yang berkaitan akan diserahkan kepada Penasihat Syariah untuk proses Penyaringan Saham Syariah yang melibatkan analisis kuantitatif dan juga kualitatif.</p> <p> Analisis Kuantitatif :</p> <p> Penasihat Syariah akan menentukan sama ada nisbah kewangan (pendapatan faedah, nisbah hutang pinjaman berfaedah dan sebagainya) untuk sekuriti itu memenuhi ambang kewangan dalaman Penasihat Syariah. Sekiranya mana-mana pengiraan gagal memenuhi ambang kewangan itu, Penasihat Syariah tidak akan memberi taraf patuh Syariah untuk sekuriti itu.</p> <p> Analisis Kualitatif :</p> <p> Melibatkan penelitian sekuriti itu secara keseluruhan. Sekuriti itu mestilah tidak terlibat dalam aktiviti perniagaan yang tidak dibenarkan oleh Syariah seperti arak, khinzir dan keluaran berkaitan khinzir, perjudian, tembakau, pornografi, perkhidmatan kewangan konvensional dan sebagainya. Penasihat Syariah akan meneliti aspek tanggapan orang ramai tentang imej syarikat, perniagaan teras yang dianggap penting dan masalah (bermanfaat) kepada umat Islam dan negara, unsur yang tidak dibenarkan adalah sangat kecil dan melibatkan hal-hal seperti umum balwa (sesuatu yang sudah menjadi umum dan biasa berlaku dan sukar dielakkan), uruf (adat) dan hak masyarakat bukan Islam yang diterima oleh Islam. bagi memastikan keperluan Syariah dipatuhi dengan ketat, senarai sekuriti patuh Syariah ini dikemaskini oleh Penasihat Syariah dua kali setahun untuk</p>	<p> oleh IBFIM berikutan analisis dalam menentukan status Syariah. Kriteria ini diterima pakai oleh IBFIM sebagai langkah sementara sehingga SACSC mengeluarkan status Syariah bagi IPO syarikat tersebut.</p> <p> Analisis Kuantitatif :</p> <p> IBFIM tidak meluluskan syarikat yang menjalankan aktiviti utama seperti perkhidmatan kewangan konvensional, perjudian, pengurusan atau jualan bagi barangan yang tidak halal, pengurusan atau jualan bahan berasaskan tembakau, bahan-bahan lucah, pensenjaan, aktiviti pengiklanan yang tidak berlandaskan Syariah dan lain-lain aktiviti yang tidak mendapat kelulusan Syariah.</p> <p> IBFIM menentukan perkara dibawah bagi memastikan mereka tidak melebihi tanda aras yang telah ditetapkan antaranya, Faedah pendapatan yang dikenakan keatas jumlah pendapatan dan faedah pendapatan atas keuntungan sebelum cukai tidak melebihi 5%, Sumbangan pendapatan terhadap aktiviti bercampur yang melibatkan unsur Syariah adalah dilarang seperti perniagaan berasaskan faedah, bank konvensional, insuran, perjudian, minuman keras dan daging babi keatas jumlah pendapatan dan keuntungan sebelum cukai tidak melebihi 5%, Sumbangan pendapatan daripada aktiviti bercampur yang melibatkan tembakau dan perniagaan yang berkaitan dengan tembakau keatas jumlah pendapatan dan keuntungan sebelum cukai tidak melebihi 10%, Pendapatan sewaan bercampur dengan aktiviti yang tidak patuh Syariah berbanding jumlah pendapatan dan keuntungan sebelum cukai tidak melebihi 20% dan Pendapatan daripada aktiviti bercampur yang melibatkan perniagaan seperti hotel dan pusat perangan, perniagaan saham dan broker saham melebihi jumlah pendapatan dan keuntungan sebelum cukai tidak melebihi 25%. Sekiranya mana-mana syarat yang telah dinyatakan di atas gagal dipatuhi, IBFIM tidak akan memberikan status Syariah kepada syarikat berkenaan.</p> <p> Analisis kualitatif :</p> <p> Syarikat yang menepati syarat diatas akan disaring dengan kaedah kualitatif sebelum diklasifikasikan sebagai patuh Syariah. Dalam analisis ini IBFIM akan meninjau aspek-aspek umum tentang pandangan masyarakat terhadap perniagaan tersebut, perniagaan utama syarikat dianggap penting dan memberikan kemudahan (masalah) kepada umat Islam dan negara, unsur-unsur yang tidak dibenarkan adalah sangat sedikit dan melibatkan perkara seperti “umum balwa” (perkara terlarang yang sukar untuk dielakkan), uruf(adat) dan hak-hak masyarakat bukan Islam yang boleh diterima menurut Syariah.</p>
--	---

memasukkan / mengeluarkan sekuriti dari senarai tersebut.	
DANA BON/SUKUK	
Public Mutual	MAAKL Mutual
Pelaburan dana dalam sukuk domestik akan dipilih daripada senarai sukuk yang sudah sedia ada dalam laman web Suruhajaya Sekuriti. Pelaburan dana akan dipilih setelah berunding dengan Penasihat Syariah. bagi mana-mana suku asing dikategorikan sebagai patuh Syariah, Pengurus Dana akan mengenalpasti dahulu sukuk asing dalam pasaran asing terpilih. Untuk memastikan pematuhan ketat kepada keperluan Syariah, Penasihat Syariah akan mengkaji semula memorandum maklumat atau prospektus sukuk asing untuk mendapatkan butir-butir mengenai kelulusan Syariah dan fatwa yang mengesahkan sukuk tersebut. Penasihat Syariah akan mengkaji semula struktur, kontrak, aset dan terma-terma terbitan sukuk asing bagi memastikan ia mematuhi prinsip-prinsip Syariah.	Senarai sukuk patuh Syariah adalah berpandukan senarai yang disediakan di laman sesawang Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sukuk Asing : IBFIM akan mengkaji memorandum maklumat atau prospektus sukuk, struktur, tahap penggunaan, kontrak Syariah dan sebagainya.
DANA PASARAN WANG	
Public Mutual	MAAKL Mutual
Tumpuan pelaburan dana ialah kepada instrumen pasaran wang Islam jangka pendek yang cair dan patuh Syariah yang diterbitkan oleh institusi kewangan berlesen. Walaupun dana diuruskan secara aktif, kekerapan strategi dagangan amat bergantung pada peluang pasaran.	Senarai instrumen patuh Syariah adalah berpandukan senarai yang disediakan di laman sesawang Bank Negara Malaysia (BNM).

Sumber : Prospektus Induk Public Mutual dan MAAKL Mutual

JADUAL 5 : Pengurusan Dana Unit Amanah Islam Kategori (Pembahagian Aset)

DANA EKUITI	
PUBLIC MUTUAL	MAAKL Mutual
<p>PBIEF : kandungan ekuiti minimumnya ialah 80% daripada NAB dana. Baki NAB dana dilaburkan dalam sukuk dan aset cair berasaskan Syariah yang termasuk instrumen pasaran wang Islam.</p> <p>PBIEF : Kandungan ekuiti minimumnya ialah 80% daripada NAB dana. Baki NAB dana akan dilaburkan dalam sukuk dan instrumen pasaran wang Islam.</p> <p>PBIASSF : mengekalkan pendedahan ekuiti dalam lingkungan 75% hingga 98% daripada NABnya. Baki NAB dana akan dilaburkan dalam sukuk dan aset cair berasaskan Syariah yang termasuk instrumen pasaran wang Islam</p>	<p>MAF : Melabur sekurang-kurangnya 98% daripada NAB dalam pasaran ekuiti. Manakala meletakkan lebih pelaburan untuk dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam. Dana ini mengekalkan sekurang-kurangnya 2% daripada NAB dalam bentuk aset cair berasaskan Syariah.</p> <p>MSIF : Dana dilaburkan dalam lingkungan 98% dari NABnya dalam pelaburan ekuiti berasaskan Syariah. Dana mensasarkan untuk melaburkan sepenuhnya dalam saham pelbagai sehingga 95% hingga 97%. Dana akan mengekalkan sekurang-kurangnya 2% daripada nilai NABnya dalam aset cair berasaskan Syariah.</p> <p>MAFZ : Dana melabur sekurang-kurangnya 70% daripada nilai NABnya dalam pelaburan ekuiti berasaskan Syariah. Dana akan dilaburkan sekurang-kurangnya 2% daripada nilai NABnya dalam aset cair berasaskan Syariah.</p> <p>MAU : Ekuiti berasaskan Syariah : 40% hingga 60% daripada nilai NABnya. Sukuk : 40% hingga 60% dari nilai NABnya. Aset cair berasaskan Syariah : sekurang-kurangnya 2% daripada nilai NABnya.</p> <p>MCS : Ekuiti berasaskan Syariah dan Pelaburan ekuiti yang berkaitan : 0 hingga 98% dari nilai NABnya. Sukuk dan pelaburan pasaran wang Islam : 2 hingga 100% daripada nilai NABnya. Aset cair berasaskan Syariah : sekurang-</p>

	<p>kurangnya 2% daripada nilai NABnya.</p> <p>MSAP : Dana melabur sehingga nilai maksimum 98% daripada nilai NABnya dalam ekuiti Asia-Pasifik berasaskan Syariah dan saham ekuiti yang berkaitan. 70% dilaburkan dalam ekuiti berasaskan Syariah dan saham ekuiti yang berkaitan kurang daripada 70% tetapi tidak kurang daripada 50%. Dana dilaburkan sekurang-kurangnya 2% dalam aset cair berasaskan Syariah. Dana dilaburkan dalam pasaran wang asing sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah NABnya yang dikawalselia oleh pengurus atau badan yang berautoriti yang ditetapkan oleh BNM.</p>
DANA BON/SUKUK	
<p>PBIBF : Mengekalkan pendedahan sukuk dalam lingkungan 75% hingga 98% daripada NABnya. Baki NAB dana ini akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam</p> <p>PBSKF : 75% daripada NABnya dalam portfolio sukuk dengan bakinya dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam. 30% daripada NABnya dilaburkan dalam sukuk asing.</p>	<p>MAS : Dana melabur melebihi 98% daripada NABnya dalam portfolio sukuk. Dana dilaburkan 70% dalam saham terpelbagai bagi memastikan kestabilan dana. Cara ini dapat meningkatkan kestabilan dalam instrumen pasaran wang Islam. Dana ini mengekalkan sekurang-kurangnya 2% daripada NABnya dalam aset cair berasaskan Syariah.</p>
DANA PASARAN WANG	
<p>PBICMF : Dana ini melabur dalam instrumen pasaran wang Islam dan deposit berasaskan Syariah sehingga 100% daripada NABnya.</p>	<p>MAM : Dana dilaburkan sekurang-kurangnya 90% hingga nilai maksimumnya 100% daripada nilai NABnya untuk jangka masa pendek dalam instrumen pasaran wang Islam. Dana melabur sekurang-kurangnya 10% daripada nilai NABnya dalam instrumen berasaskan Syariah</p>

Sumber : Prospektus Induk Public Mutal dan MAAKL Mutal